

**TEKS UCAPAN  
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN 2014  
PERINGKAT UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
PADA HARI SELASA, 19 OGOS 2014, PUKUL 9:00 PAGI  
DI ASTAKA, UMP KAMPUS GAMBANG**

---

**SALUTASI**

Saudara pengacara majlis;

Rakan-rakan saya:

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed,

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Profesor Dr. Mashitah Ibrahim,

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin,

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Shamsudin Baharin,

Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti);

Haji Mustafa Ibrahim,

Pendaftar;

Encik Zainuddin Othman,

Bendahari;

Haji Ruslan Che Pe,

Ketua Pustakawan;

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah,

dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Warga kerja Universiti Malaysia Pahang;

Tuan-tuan dan puan-puan;

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

## **KATA PEMBUKA**

1. *Alhamdulillah*, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita berpeluang untuk bertemu dalam acara pada pagi ini.
2. Walaupun kita sering dapat bertemu dalam acara-acara rasmi yang lain, namun, pertemuan untuk meraikan pelancaran sambutan hari lahir negara kita merupakan satu perkara yang amat istimewa.
3. Walaupun sejarah telah merakamkan tarikh 16 September 1963 sebagai tarikh penubuhan Malaysia, namun tarikh 31 Ogos 1957 telah diakui secara rasmi sebagai Hari Kebangsaan negara kita sejak 57 tahun yang lepas.

4. Oleh kerana kedua-dua tarikh tersebut berdekatan antara satu sama lain, maka Kerajaan telah menetapkan bahawa tempoh waktu antara 16 Ogos hingga 16 September saban tahun sebagai Bulan Kemerdekaan bagi Malaysia.
  
5. Maka dalam hubungan tersebut, kita di UMP pastinya tidak akan ketinggalan untuk turut serta memeriahkan sambutan yang istimewa ini sebagai manifestasi patriotisme terhadap tanah air, dan bukannya sekadar untuk berpacara semata-mata.

**“MALAYSIA, DI SINI LAHIRNYA SEBUAH CINTA”**

6. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sekiranya dianalogikan kepada manusia, 57 tahun merupakan usia emas, dan mereka yang telah melewati angka ini telah merasai pelbagai pengalaman sepanjang hidupnya. Individu yang telah melewati usia 57 tahun biasanya telah cukup arif dengan selok-belok kehidupan, yang mempengaruhi citra prinsip dan peribadinya.

7. Warna-warni dan liku-liku zaman yang telah ditempuhi sejak 57 tahun yang lalu menyaksikan pelbagai detik suka duka dan jatuh bangun negara kita dengan pelbagai cerita dan peristiwa.
8. Apabila Persekutuan Tanah Melayu muncul sebagai sebuah negara bebas, dan seterusnya diterima sebagai anggota ke-82 dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), media antarabangsa menyifatkan negara ini sebagai “satu bintang baharu yang bersinar dari timur. Sama ada bintang itu naik atau jatuh, itu terpulang kepada rakyatnya.”
9. Pemerhatian dan perhatian dunia pada ketika itu kepada negara kita adalah sesuatu yang amat istimewa kerana dua sebab. Sebab yang pertama ialah kekayaan hasil mahsulnya, dan kedua, ialah kemajmukan corak etnik dan kependudukan negara baharu ini.
10. Dunia pada ketika itu masih asing dengan konsep kenegaraan majmuk dan bagaimana kemajmukan etnik itu diuruskan belum pernah dapat ditangani dengan berkesan di lain-lain negara pada era tersebut.

11. Justeru, dalam memoirnya yang berjudul *Looking Back*, Bapa Kemerdekaan, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mencatatkan bahawa kemerdekaan Malaya pada ketika itu dilihat dengan dua perspektif oleh dunia. Ada yang positif terhadap kemunculan negara pelbagai kaum ini, dan tidak kurang juga yang skeptikal terhadapnya.
12. Namun, keupayaan generasi pemimpin perintis negara kita dalam menguruskan kemajmukan ini telah melenyapkan suara-suara skeptikal tersebut, walaupun ada yang berpandangan bahawa tanpa adanya British sebagai kuasa penaung, kemerdekaan Malaya tidak akan bertahan lama.
13. Tatkala negara kecil ini berjaya meyakinkan wilayah-wilayah naungan British yang lain di selatan Semenanjung iaitu Singapura dan pulau Borneo iaitu Sarawak dan Sabah untuk membentuk satu persekutuan yang lebih besar, dunia pada ketika itu mula melihat bahawa “bintang timur” tadi telah benar-benar naik tinggi menumpahkan sinarnya yang terang.

14. Kewibawaan negara ini, dan karisma kepimpinannya di peringkat serantau dan antarabangsa mula dirasai dan diiktiraf dunia. Kepelbagaian kaum yang dimilikinya telah dapat diuruskan dengan baik dengan pendekatan muhibah dan perpaduan.
15. Ini secara umumnya telah mematangkan Malaysia sepanjang kewujudannya sebagai sebuah negara yang berdaulat. Walaupun perpaduan rakyat kita diuji pada tahap maksimum dalam peristiwa hitam 13 Mei 1969, namun keupayaan untuk mengembalikan keharmonian hubungan kaum selepas detik itu merupakan satu pencapaian yang amat cemerlang.
16. Ujian kematangan inilah, menurut Dr. Daron Acemoglu dan Dr. James A. Robinson dalam buku mereka berjudul *Why Nations Fail* (2012), yang menjadikan Malaysia negara yang kompetitif pada hari ini. Penulis dari MIT dan Harvard ini mendapati bahawa keupayaan Malaysia untuk menguruskan kemajmukan kaum secara bijaksana adalah kisah kejayaan yang membezakannya dengan negara-negara lain, yang turut memiliki corak kependudukan yang sama.

17. Pengamatan, pemahaman dan keupayaan untuk mengambil iktibar daripada kisah silam ini *Insyah-Allah* akan membolehkan generasi hari ini dan masa depan Malaysia untuk terus menikmati negara ini sebagai satu semaian subur yang lestari.
18. Maka, cerapan sejarah yang saya kongsi pada pagi ini bertujuan membuka perspektif warga kerja sekalian mengenai peranan dan tanggungjawab kita di Universiti ini terhadap anak-anak didik kita.
19. Sejauh manakah kesedaran patriotisme secara ilmiah ini telah diselitkan di dewan kuliah, di pejabat, di lapangan aktiviti dan acara rasmi sebagai satu muhasabah dan pencerahan agar warga kita terus memelihara terangnya sinar “bintang timur” ini.
20. Justeru, saya percaya, sekiranya peranan ini dilihat sebagai tanggungjawab kewargaaan (*citizenship*) dalam konteks Malaysia dan UMP, maka tema sambutan kemerdekaan ke-57 pada tahun ini iaitu *Malaysia...Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta* akan dapat dimaknakan dalam erti kata yang sebenar.

## **KATA PENUTUP DAN LAFAZ PERASMIAN**

21. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil peluang untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan tahniah kepada Jawatankuasa Sambutan Bulan Kemerdekaan 2014 dan semua Pusat Tanggungjawab yang memberikan kerjasama penuh bagi menjayakan inisiatif ini.

22. Semoga pelbagai pengisian yang telah disusun sepanjang sambutan ini akan terhitung sebagai amal jariah dan ilmu yang bermanfaat di sisi Allah Ta'ala serta memberi faedah kepada warga UMP.

23. Dengan harapan dan doa tersebut serta lafaz yang mulia *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya melancarkan Sambutan Bulan Kemerdekaan 2014 Peringkat Universiti Malaysia Malaysia secara rasmi.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah*,

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*